



Fakta
nombor

11.45 SAAT

catatan masa Zaidatul
Husniah Zulkifli pada
Kejohanan ASA Speed
Series 2 di Afrika Selatan

BERITA HARIAN

21/3/2017 m/s 47

Zaidatul Husniah (dua dari kanan) antara atlet sandaran negara pada Sukan SEA Kuala Lumpur, Ogos ini.

Olahraga mampu menyerlah di Sukan SEA

Putrajaya: Kejayaan dua atlet olahraga mencipta rekod baharu kebangsaan, baru-baru ini memberi petanda positif terhadap kebangkitan sukan itu terutama menjelang Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, Ogos ini.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, rekod kebangsaan dan pencapaian cemerlang yang lain membuktikan

olahraga negara mampu menyerlah pada temasya dwitahunan itu.

"Ini semua adalah kejayaan bagi olahraga Malaysia, bukan hanya lompat tinggi wanita. Prestasi yang ditunjukkan atlet olahraga negara sejak kebelakangan ini memberi petanda yang baik untuk temasya Sukan SEA nanti.

"Kita mencapai prestasi paling buruk ketika Sukan SEA Singapura

2015. Jadi, ramai yang mahu melihat kebangkitan olahraga negara terutama pada Sukan SEA kali ini," kata Khairy ketika sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penajaan daripada SCGM Berhad untuk Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 di sini, semalam.

Wanita terpanas Malaysia
Kelmarin, ratu lompat tinggi ne-

gara, Yap Sean Yee berjaya memperbaharui rekod kebangsaan miliknya pada Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dengan catatan 1:81 meter (m) sekali gus memadam rekod lamanya 1.78m.

Acara olahraga turut menjadi tumpuan awal bulan ini apabila Olimpian negara, Zaidatul Husniah Zulkifli meletakkan dirinya

sebagai wanita terpanas Malaysia dengan memecahkan rekod kebangsaan acara 100 meter berusia 24 tahun milik G Shanti.

Atlet Pulau Pinang itu mencatat masa 11.45 saat dalam Kejohanan ASA Speed Series 2 di Afrika Selatan sekali gus memadam rekod G Shanti 11.50s yang dilakukannya pada aksi Pra Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.